

**BAB**  
**KEDUA**

## BAB KEDUA

### KONSEP SIAH SYAR'IIYAH

#### 2.1 PENDAHULUAN

Siasah syar'iiyah merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mentadbir dan memerintah sesebuah negara Islam. Tujuan perlaksanaannya adalah untuk melancarkan proses pentadbiran dalam konteks keadilan jenayah dan menentukan sesuatu bentuk hukuman bagi permasalahan yang tidak dinyatakan secara nas. Dalam bab ini, penekanan akan difokuskan kepada definisi, matlamat, dalil dan kaedah yang diguna pakai dalam siasah syar'iiyah. Dalam membincangkan tentang kaedah-kaedah siasah syar'iiyah, penekanan akan diberikan kepada kaedah yang merujuk kepada nas-nas syara', ijtihād dan Qawā'id Fiqhiyyah. Dalam kaedah ijtihād, tumpuan akan dibuat kepada tiga mekanisma ijtihād sahaja iaitu Qiyas, Istiṣlāh dan Sad al-Dharā'i'. Ini kerana ketiga-tiga kaedah berkenaan adalah kaedah utama untuk menilai ketepatan hukum bunuh terhadap pengedar dadah berpandukan kepada siasah syar'iiyah. Manakala kaedah-kaedah yang lain hanya akan disebut secara umum sahaja. Begitu juga dengan kaedah Fiqhiyyah di mana penekanan akan diberikan kepada kaedah yang berkaitan sahaja iaitu *"tindakan pemerintah mestilah didasarkan kepada masalah rakyat"* ( *تصرف الإمام منوط بالمصلحة* ). Hasil daripada penganalisan terhadap fakta-fakta di atas, satu kesimpulan akan diketengahkan

dalam menilai ketepatan hukum bunuh terhadap pengedar dadah berasaskan kepada siasah syar'iyah.

Perlu ditegaskan di sini bahawa penulis mengulas bab kedua dengan meluas sekali, terutamanya di dalam bahagian kaedah-kaedah siasah syar'iyah atas alasan untuk menunjukkan bahawa berbagai kaedah boleh diguna pakai sebagai landasan teori dalam menyelesaikan sesuatu bentuk permasalahan. Sekiranya asas-asas terbabit tidak dikemukakan, penulisan ini akan menjadi janggal dan tidak akademik.

## **2.2 DEFINISI SIASAH SYAR'IYYAH**

### **2.2.1 Definisi siasah dari segi bahasa**

Menurut kamus 'Arab, perkataan siasah adalah kata terbitan daripada sasa atau sawwasa ( ساس أو سوس ) yang bererti memimpin dan mentadbir. Para *Muhaqqiq* (pengkaji atau penganalisa) menegaskan bahawa perkataan siasah adalah berasal daripada bahasa 'Arab sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Manzūr<sup>1</sup>. Dalam Kamus Dewan, ada dua pengertian yang membawa maksud siasah. Pertama, ianya bermaksud pengetahuan yang berkaitan dengan hal-hal kenegaraan (pemerintahan) dan politik. Kedua, ianya bererti kebijaksanaan (kebolehan muslihat) untuk mencapai sesuatu maksud<sup>2</sup>.

Walaupun perkataan siasah boleh ditafsirkan dalam berbagai bentuk, namun kesemuanya tidak terkeluar dari pengertian yang asal, iaitu melakukan sesuatu tindakan yang menguntungkan dan mendatangkan sesuatu faedah sama ada dengan cara memimpin, menjaga keperluan dan membantu<sup>3</sup>. Pemakaian perkataan siasah yang membawa pengertian di atas boleh dilihat daripada hadith di bawah.

a) Rasūlullāh s.a.w bersabda yang berbunyi<sup>4</sup>:

” قال رسول الله صلى الله عليه وسلم  
كانت بنو إسرائيل تسوسهم الأنبياء “

Terjemahannya: *“Sabda Rasūlullāh s.a.w: Bani Israel telah dipimpin dan diketuai oleh para nabi”*

Hadith ini menggambarkan tentang peranan para nabi sebagai pemimpin kaum Bani Israel dan bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan mereka.

Walaupun perkataan siasah di dalam huraian hadith di atas merujuk kepada pemerintah, namun perkataan tersebut tidak terhad kepada golongan berkenaan sahaja. Ini kerana ia melibatkan sesiapa sahaja yang menjalankan urusan pentadbiran, pengawasan, pengurusan dan sebagainya<sup>5</sup>.

## 2.2.2 Definisi syar'iyah

Perkataan syar'iyah adalah kata terbitan daripada syara' dimengertikan sebagai menetapkan undang-undang, menunjukkan jalan atau cara<sup>6</sup>. Manakala perkataan syarī'ah dalam bahasa 'Arab bermaksud sumber air minum ataupun pembawaan yang jelas, sebagaimana firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>7</sup>:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيْعَةٍ

مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا

Terjemahannya: “Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syar'iah (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syar'iah itu ”

Manakala dari segi istilah, syar'iyah pula bermaksud sesuatu yang berdasarkan kehendak Allāh s.w.t.

### 2.2.3 Definisi siasah syar'iyah dari segi istilah

Penggunaan perkataan siasah syar'iyah sebagai satu istilah telah dikemukakan oleh fuqahā' silam dan semasa. Hasil daripada perbahasan tersebut, ia boleh dirumuskan seperti berikut:

#### i. Pengertian pertama

Siasah syar'iyah adalah satu metod ataupun cara untuk memerintah negara mengikut kaedah syara'. Ianya bermaksud, pemimpin hendaklah mengendalikan urusan pemerintahan negara dengan berpandukan al-Qurān, al-Sunnah dan ijtihād untuk menjaga kesejahteraan masyarakat sejagat. Oleh itu, setiap perancangan, tindakan dan polisi yang diambil oleh kerajaan yang berpandukan al-Qurān, al-Sunnah, ijtihād serta bermatlamatkan pembaikan masyarakat sejagat dinamakan sebagai siasah syar'iyah. Ia juga mencakupi semua aspek pemerintahan dan pentadbiran negara seperti politik, ekonomi, undang-undang, kewangan, kemasyarakatan dan sebagainya. Hasilnya lahirlah *siasah dustūriyyah* (sistem perlembagaan), *siasah māliyyah* (polisi kewangan), *siasah qadā'iyah* (polisi kehakiman) dan sebagainya. Berpandukan kepada pengertian ini, maka setiap tindak tanduk kerajaan akan mendapat autoriti syar'ah sekiranya ia didasarkan kepada sumber-sumber Islam dan bermatlamatkan kemaslahatan masyarakat sejagat<sup>8</sup>.

Pengertian siasah tersebut dapat difahami melalui beberapa takrif yang diketengahkan oleh para fuqahā' silam. Antaranya, Ibn Nujaim menakrifkan siasah syar'iyah sebagai tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah demi menjaga kepentingan rakyat, walaupun tidak terdapat *dalil-dalil yang juz'i*<sup>9</sup>. Manakala Ibn 'Uqail pula berpendapat, siasah syar'iyah itu bererti sebarang bentuk tindakan yang boleh mendatangkan kebaikan dan menolak kemungkaran sekalipun ianya tidak disyar'atkan oleh Rasūlullāh s.a.w<sup>10</sup>. Menurut Ibn 'Ābidīn pula, siasah merupakan pembaikan yang diambil oleh pihak pemerintah yang mampu membawa kesejahteraan baik di dunia mahupun di akhirat dengan menjatuhkan hukuman yang berat untuk setiap kesalahan jenayah atas alasan bagi mengelakkan kemungkaran<sup>11</sup>. Tindakan yang diambil tersebut termasuk dalam kaedah syara', walaupun ianya tidak mempunyai nas-nas yang khusus untuk menyelesaikan permasalahan berkenaan<sup>12</sup>.

Merujuk kepada pengertian di atas, ramai sarjana-sarjana Islam telah mengarang kitab mengenai siasah syar'iyah. Di antaranya ialah al-Mawardi dalam karangan beliau yang bertajuk *al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah* yang mengupas persoalan kenegaraan dan pemerintahan dari sudut kepimpinan, perundangan, kehakiman yang berlandaskan syarī'ah Islāmiyyah. Pengertian yang diutarakan oleh para fuqahā' silam telah diterima pakai oleh para sarjana Islam masa kini, antaranya ialah seperti 'Abdūl Wahab Khallāf. Beliau menakrifkan siasah syar'iyah sebagai cara untuk mentadbirkan sesebuah negara Islam mengikut

peraturan yang boleh membawa kebaikan dan mencegah keburukan serta tidak bercanggah dengan hukum syari'ah dan dasar-dasar umumnya<sup>13</sup>.

Manakala Dr. Muhammad Na'im Yassīn berpendapat, siasah syar'iyah merupakan cara untuk mentadbirkan sebuah negara Islam dengan berdasarkan kepada *maqāṣid syar'iyah 'āmmah* (matlamat umum syari'at Islam)<sup>14</sup>. Perkara yang sama juga turut diterangkan oleh Dr. Fathi Ahmad al-Duraini, tetapi dengan memasukkan perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal dalam negeri ataupun luar negara yang berpandukan kepada masalah<sup>15</sup>. Konsep masalah ini akan diterangkan secara terperinci di dalam bab ini.

## ii. Pengertian Kedua

Siasah syar'iyah adalah sebagai metod penentuan hukum yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan Islam untuk menyelesaikan perkara-perkara yang tidak dinyatakan secara terang oleh al-Qurān dan al-Sunnah. Ini bermakna syara' telah memberi mandat kepada pihak pemerintah untuk menggunakan kaedah-kaedah ijtihād seperti Qiyas, Istiṣlāh, *Sad al-Dharā'i'* dan sebagainya bagi menangani perkara-perkara yang tidak dihuraikan oleh nas-nas secara langsung. Walau bagaimanapun setiap tindakan ataupun penghukuman yang diambil itu pula mestilah bertepatan dengan kehendak syara'.



Sehubungan dengan ini, ramai di kalangan fuqahā' Hanafi yang memperluaskan istilah penggunaan siasah syar'iyah sebagai metod penentuan hukum khususnya apabila ia melibatkan hukum hudūd dan ta'zīr. Menurut mereka, syara' telah memberikan kuasa kepada pihak pemerintah untuk menentukan hukuman tertentu kepada pesalah. Dalam hal tersebut, penambahan hukuman boleh dilaksanakan jika ia bertujuan untuk mengelakkan pengulangan terhadap sesuatu jenayah, di samping untuk mencegah ahli masyarakat dari melakukan jenayah yang sama. Ini boleh dilihat daripada takrif yang diketengahkan oleh Ibn 'Ābidīn di mana beliau berpendapat, siasah syar'iyah adalah menggandakan hukuman ke atas sesuatu jenayah mengikut peraturan syara' yang bertujuan untuk membanteras kejahatan dan kemungkaran<sup>16</sup>. Beliau juga turut menyamakan di antara siasah syar'iyah dengan ta'zīr. Manakala menurut Ibn Fūdī pula, siasah syar'iyah adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dan menjauhkan kemungkaran dengan menggunakan langkah-langkah yang tertentu seperti menahan seseorang yang dituduh melakukan jenayah ataupun mengugut individu yang disyaki<sup>17</sup>.

Huraian mengenai konsep siasah syar'iyah dalam bentuk pengertian di atas telah diulas dengan terperinci dan menarik oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam karangan beliau yang masyhur bertajuk *al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siasah al-Syar'iyah*. Manakala Ibn Furhūn juga turut membicarakan perkara yang sama dalam karangan beliau bertajuk *Tabṣīrah al-Hukkām fī Uṣūl al-'Aqdiyyah wa Manāhij al-*

*Ahkām* khususnya dalam bab *al-Qadhā' bi al-Siasah al-Syar'iyah* dengan terperinci.

#### 2.2.4 Rumusan

Hasil daripada perbincangan di atas, konsep siasah syar'iyah boleh dirumuskan seperti berikut:

Pertama, siasah syar'iyah adalah merupakan kaedah pemerintahan sesebuah negara yang berasas kepada al-Qurān, al-Sunnah dan ijtihād serta bertujuan untuk menjamin masalah rakyat<sup>18</sup>. Kedua, ia merupakan satu metod penentuan hukum yang boleh dilaksanakan oleh pemerintah Islam bagi menyelesaikan permasalahan yang tidak disebut secara nas tetapi ditentukan dengan berdasarkan kepada kaedah-kaedah di atas. Untuk mengekalkan keadilan dan mengelakkan timbulnya sebarang bentuk kezaliman, maka penggunaan siasah syar'iyah mestilah tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syara'<sup>19</sup>.

Secara umumnya tidak timbul perselisihan di kalangan para fuqahā' dalam membincangkan konsep siasah syar'iyah. Walaupun masing-masing mengeluarkan idea yang agak berbeza, namun apa yang berlaku hanyalah perbezaan dari sudut skop pemakaiannya sahaja. Ini boleh dilihat di mana ada yang mengaplikasikan siasah syar'iyah dalam bentuk umum, contohnya ia digunakan meliputi seluruh ruang

lingkup pentadbiran negara sama ada yang melibatkan nas ataupun ijtihād. Manakala sebahagian yang lain menggunakannya dalam bentuk yang lebih khusus, misalnya dalam perkara yang melibatkan ijtihād. Apa yang penting di sini ialah, persoalan yang mesti disentuh ketika membincangkan siasah syar'iyah adalah kerajaan, pemimpin dan metod penentuan hukum ataupun kaedah pentadbiran negara yang berlandaskan Islam.

Untuk menjawab persoalan pokok di dalam disertasi ini, penulis akan menggunakan pengertian yang kedua, iaitu siasah syar'iyah sebagai satu kaedah penentuan hukum yang boleh dilakukan oleh pemerintah Islam bagi menyelesaikan permasalahan yang tidak disebut secara nas tetapi ditentukan dengan berdasarkan kepada ijtihād. Melalui pengertian tersebut, ia telah memberi ruang yang cukup luas kepada pihak pemerintah untuk menentukan hukuman yang sesuai ke atas mana-mana penjenayah. Namun begitu, bagi mengelakkan timbulnya kezaliman dan penyalahgunaan kuasa, setiap bentuk penghukuman yang ditentukan oleh pemerintah mestilah berpandukan kaedah-kaedah dan matlamat siasah syar'iyah. Melalui cara ini, langkah-langkah pentadbiran secara keseluruhannya akan menepati kehendak syara'.

## 2.3 DALIL-DALIL PERLAKSANAAN SIASAH SYAR'ITYAH

Kedudukan siasah syar'iyah sebagai metod pemerintahan negara disokong kuat oleh dalil-dalil daripada al-Qurān, al-Sunnah dan tindakan Khulafā' al-Rāsyidīn<sup>20</sup>. Untuk menganalisa kekuatan sokongan tersebut, maka penerangan yang seterusnya akan membincangkan dalil-dalil yang berkaitan.

### 2.3.1 Dalil daripada al-Qurān

Ini boleh dilihat daripada arahan al-Qurān ke atas pemimpin Islam supaya melaksanakan perundangan Islam seperti hudūd, qisās dan ta'zīr. Contohnya pelaksanaan hukuman hudūd bagi kesalahan mencuri di mana Allāh s.w.t berfirman yang berbunyi<sup>21</sup>:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا

جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ



Terjemahannya: *“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri, maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan*

*dan (juga sebagai) hukuman pencegah dari Allāh  
s.w.t*

Perlaksanaan hukuman potong tangan tersebut merupakan tanggungjawab kerajaan dan pemimpin Islam. Mengikut Ibn Fuhūn<sup>22</sup>, ayat al-Qurān di atas adalah dalil kepada siasah syar'iyah kerana perlaksanaan hukuman berkenaan adalah sebahagian daripada pentadbiran negara dan dapat **menjamin kemaslahatan rakyat dari segi keamanan dan kesejahteraan**. Ini bererti, tanpa perlaksanaan hukuman tersebut maka tidak wujud jaminan keamanan negara dan ini akan bercanggah dengan kehendak siasah syar'iyah. Berdasarkan kepada ulasan yang diketengahkan oleh Ibn Fuhūn tersebut, ia menunjukkan bahawa walaupun ayat di atas tidak menyebut siasah syar'iyah secara langsung, namun ia memberi sokongan yang kuat terhadap perlaksanaan siasah syar'iyah.

Selain itu, terdapat lafaz-lafāz di dalam al-Qurān yang menerangkan tentang institusi politik, seperti kepimpinan Islam dan tanggungjawab pemerintah terhadap agama dan masyarakat. Antaranya ialah perkataan *al-Imām* yang bermaksud pemimpin yang menjalankan tugas berdasarkan kepada petunjuk Allāh. Ini boleh dilihat dalam firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>23</sup>:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَهْتَدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا

إِلَيْهِمْ فَعَلَّ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ

وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَبِيدِينَ ﴿٧٣﴾

Terjemahannya: “Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat: dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami”

Seterusnya perkataan *al-Malik* ( المالك ) sebagai pemimpin yang berjuang menegakkan agama Islam<sup>24</sup>. Firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>25</sup>:

إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ لَّهُمْ أُبَعَثْ

لَنَا مَلَكًا نُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ﴿٢٤٦﴾

Terjemahannya: “Ketika mereka berkata kepada seorang nabi mereka: Lantiklah seorang raja untuk kami supaya kami boleh berperang (bersama-sama dengannya) pada jalan Allāh s.w.t”.

Berpandukan kepada nas di atas, ia menunjukkan tentang adanya saranan di dalam al-Qurān untuk melaksanakan siasah syar'iyah, iaitu melalui kewujudan seorang pemimpin Islam. Ini kerana kedudukan pemimpin amat penting dalam pengaplikasian siasah syar'iyah.

Di samping itu, al-Qurān juga mengenengahkan siasah syar'iyah melalui perkataan *al-Hukm* kerana perkataan tersebut membawa maksud siasah yang jelas, iaitu menuntut pelaksanaan hukum Allāh s.w.t secara langsung<sup>26</sup>. Misalnya terdapat unsur balasan dan hukuman ke atas mereka yang melanggar undang-undang Islam. Firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>27</sup>:

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ

اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahannya: “Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allāh s.w.t (kerana mengingkarinya) maka mereka itulah orang-orang yang kafir”

Seterusnya wujud gesaan ke atas setiap pemimpin supaya menegakkan keadilan di dalam pemerintahan bagi menjaga kemaslahatan rakyat. Firman Allāh s.w.t<sup>28</sup>:

وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ

﴿٤٧﴾ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahannya: *“Dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allāh s.w.t mengasihi orang-orang yang berlaku adil”*

Selain itu terdapat suruhan untuk menghapuskan pertikaian dan menjaga kesejahteraan masyarakat. Firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>29</sup>:

وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ

﴿٧٧﴾ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ

Terjemahannya: *“Dan Allāh s.w.t memurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang mengandungi keterangan-keterangan yang benar, untuk menjalankan*



*hukuman di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan”*

Al-Qurān juga turut memberi amaran yang keras ke atas pemimpin Islam yang melanggar perintah Allāh s.w.t. FirmanNya yang berbunyi<sup>30</sup>:

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ  
قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي  
الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا  
السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا  
الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ  
بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ

قُرُونًا آخَرِينَ ﴿١﴾

Terjemahannya: *“Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan*

*hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain?"*

Di samping itu, al-Qurān juga ada menerangkan bahawa matlamat undang-undang jenayah Islam adalah menepati siasah syar'iyah. Melalui arahan Allāh s.w.t yang menyuruh pemimpin melaksanakan undang-undang jenayah Islam boleh difahami bahawa itu merupakan suruhan Allāh s.w.t supaya setiap pemerintah Islam melaksanakan siasah syar'iyah. Menurut Ibn Fuhūn<sup>31</sup>, terdapat enam bentuk hukuman ataupun keseksaan yang mendokong matlamat siasah syar'iyah yang terdapat di dalam undang-undang jenayah Islam. Sebagai contohnya, untuk menjamin keselamatan nyawa dan anggota badan manusia, Allāh s.w.t telah menetapkan hukum qisās dan ini boleh dilihat di dalam firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>32</sup>:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ  
بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ  
بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ

بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحِ قِصَاصٌ ﴿٤٥﴾

Terjemahannya: *“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas dengan (seimbang)”*

Dalam Islam, setiap hukuman dan keseksaan bukan bertujuan untuk menzalimi mana-mana pihak, tetapi ia adalah untuk mencegah perbuatan berkenaan dari dilakukan semula oleh penjenayah ataupun orang lain<sup>33</sup>. Pencegahan sesuatu bentuk kesalahan dari berulang semula adalah amat penting. Justeru itu, hukuman yang hendak dilaksanakan mestilah mampu mencegah, mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat dan juga penjenayah terbabit.

Selain itu, hukuman tersebut juga bertujuan untuk memberi kepuasan hati kepada pihak mangsa<sup>34</sup> dan perasaan ini akan lahir sekiranya wujud unsur keadilan ke atas setiap bentuk hukuman ataupun keseksaan yang dilaksanakan. Dalam erti kata lain, apabila adanya keseksaan terhadap pesalah, maka akan hilanglah rasa dendam dan sakit hati dari pihak mangsa.

Walaupun hanya sebahagian nas-nas yang berkaitan dengan siasah syar'iyah dikemukakan di sini, namun huraian di atas sudah mencukupi untuk menyokong perlaksanaannya. Apa yang boleh disimpulkan di sini ialah nas-nas yang dibentangkan tersebut dan matlamat undang-undang jenayah Islam sememangnya mendokong pelaksanaan siasah syar'iyah kerana dengan perlaksanaannya, maka akan tercapai seluruh objektif nas-nas terbabit.

### 2.3.2 Dalil daripada al-Sunnah

Selepas berlakunya perpindahan Rasūlullāh s.a.w dari kota Mekah ke Madinah, Baginda s.a.w telah berjaya membina sebuah negara Islam. Di sana Baginda s.a.w berperanan sebagai pemimpin negara dengan melakukan berbagai perubahan yang melibatkan aspek perundangan, pentadbiran, kewangan, perhubungan sosial, hal-hal yang melibatkan perkara keagamaan secara khusus, peperangan, perdamaian dan sebagainya. Kesemuanya dilaksanakan dengan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Setelah Baginda s.a.w wafat, corak pentadbiran sebuah negara Islam, siasah syar'iyah dan perlembagaannya sudah pun terbina dengan sempurna. Ia seterusnya menjadi sumber rujukan kepada para khalifah dalam mencorakkan pemerintahan Islam.

Kedudukan siasah syar'iyah dalam sejarah perjuangan Rasūlullāh s.a.w boleh dilihat daripada al-Sunnah dan tindakan yang diketengahkan oleh Baginda

s.a.w. Di antara hadith yang menyokong kuat perlaksanaan siasah syar'iyah adalah seperti berikut:

a) Rasūlullāh s.a.w bersabda yang berbunyi<sup>35</sup>:

”قال رسول الله صلى الله عليه وسلم  
من أتاكم وأمركم جميع علي رجل واحد يريد  
أن يشق عصاكم أو يفرق جماعتكم فاقتلوه“

Terjemahannya: *“Sabda Rasūlullāh s.a.w: Sesiapa yang cuba memecah belahkan kesatuan umat di bawah satu pimpinan, maka bunuhlah dia (perangilah dia)”*

Hadith di atas menjelaskan tentang tanggungjawab seorang pemimpin untuk menjaga kemaslahatan masyarakat dan menjamin perpaduannya agar perpecahan di kalangan mereka dapat dielakkan. Hadith ini merupakan dalil siasah syar'iyah kerana ia telah mengarahkan pihak pemerintah supaya memerangi golongan yang memecah belahkan kesatuan umat sehingga boleh menimbulkan huru hara dalam masyarakat. Melalui tindakan tersebut, maka akan **tercapai tujuan untuk menjaga keamanan rakyat** keseluruhannya. Inilah yang dimaksudkan dengan siasah syar'iyah.

b) Sabda Rasūlullāh lagi yang berbunyi<sup>36</sup>:

”قال رسول الله صلى الله عليه وسلم  
ما من وال يلي رعية من المسلمين فيموت

وهو غاش لهم إلا حرم الله عليه الجنة“

Terjemahannya: *“Sabda Rasūlullāh s.a.w: Sesiapa yang menjadi pemimpin masyarakat Islam kemudian dia meninggal dunia dalam keadaan mengkhianati mereka itu, maka ia diharamkan syurga baginya”*

Hadith berkenaan memberi amaran keras terhadap pemerintah yang mengkhianati rakyatnya seperti menolak pelaksanaan hukum hudūd, mempermain-mainkan ajaran Islam dan menganiayai individu tertentu. Hadith di atas merupakan dalil siasah syar‘iyyah kerana ia mengarahkan pemimpin negara untuk bertanggungjawab menjalankan peranan dan tugasnya dengan penuh amanah. Dengan ini, maka tercapailah matlamat siasah syar‘iyyah untuk **menjamin dan menjaga kemaslahatan masyarakat.**

Siasah syar‘iyyah juga dapat dilihat melalui tindakan Rasūlullāh s.a.w menyelesaikan urusan masyarakat dan negara. Di antaranya ialah Baginda s.a.w pernah mendera seorang lelaki yang disyaki menjadi perisik kepada musuh Islam ketika dalam peperangan. Lelaki berkenaan tidak dibebaskan sehinggalah dia memberikan maklumat dan keterangannya<sup>37</sup>. Tindakan yang diambil oleh Rasūlullāh s.a.w adalah satu contoh siasah syar‘iyyah yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat penting tentang kedudukan musuh.

Di samping itu, Rasūlullāh s.a.w pernah mengenakan tindakan dera dan kekerasan ke atas seorang Yahudi (Kinānah Ibn al-Rabī‘) yang telah menyembunyikan harta kepunyaan Ibn Abū Huqaiq. Harta tersebut sepatutnya diserahkan kepada Baginda s.a.w ketika mereka hendak meninggalkan Khaibar dan ini merupakan perjanjian mereka dengan Nabi s.a.w. Namun apabila Baginda s.a.w bertanya kepada Kinānah mengenai harta berkenaan, beliau mengatakan yang harta-harta tersebut sudah habis dibelanjakan. Malah Kinānah juga telah bersumpah bahawa dia sanggup dibunuh jika didapati berbohong. Jawapan yang diketengahkan oleh Kinānah itu dianggap satu penipuan oleh Baginda s.a.w kerana harta tersebut terlalu banyak dan mustahil dapat dihabiskan dalam masa yang singkat. Rasūlullāh s.a.w kemudiannya mengarahkan Zubair bin al-Awwām untuk mengenakan kekerasan sehinggalah akhirnya beliau mengaku berbohong. Sebagai hukumannya, Rasūlullāh s.a.w telah menyerahkan Kinānah kepada Muhammad bin Maslamah dan Mahmūd bin Maslamah untuk dijatuhkan hukum bunuh<sup>38</sup>. Langkah Rasūlullāh s.a.w ini merupakan satu siasah syar‘iyyah bagi mendapat maklumat yang sesuai dengan keadaan dan situasi yang dihadapi oleh Baginda s.a.w.

Justeru itu, ia menunjukkan bahawa dalam siasah syar‘iyyah, pihak pemimpin boleh menggunakan metod kekerasan untuk mendapat sesuatu maklumat dan menjatuhkan hukum bunuh ke atas mana-mana penjenayah sekiranya kesalahan yang dilakukan tersebut boleh menggugat keharmonian masyarakat.

### 2.3.3 Dalil siasah syar'iyah di zaman Khulafā' al-Rāsyidīn

Pengaplikasian siasah syar'iyah sememangnya telah dilaksanakan pada zaman sahabat Rasūlullāh s.a.w. Mereka menggunakan kaedah siasah syar'iyah dalam semua aspek pemerintahan, antaranya ialah perlembagaan, politik dalam negeri, politik luar negara dan kewangan. Contohnya di zaman **Saidina Abu Bakr al-Siddīq r.a.**, beliau telah mengambil langkah untuk memerangi golongan yang enggan membayar zakat dan mengaku sebagai nabi palsu<sup>39</sup>. Matlamat perlaksanaannya adalah untuk membendung gejala murtad daripada berleluasa di kalangan umat Islam dan mengurangkan masalah dari sudut ekonomi.

Di zaman **Saidina 'Umār bin al-Khattāb r.a.**, beliau telah membakar istana anak Sa'ad bin Abi Waqas kerana keenggannya untuk keluar melihat dan menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan rakyat sekitar bandar Mesir. Tindakan yang diambil oleh Saidina 'Umar r.a ini tidak terdapat di dalam nas-nas syara' tetapi ianya berasaskan tujuan untuk menjaga kemaslahatan rakyat.

Di zaman pemerintahan **Saidina 'Uthmān bin al-'Affān r.a.**, beliau telah mengambil langkah membakar naskhah al-Qurān yang dimiliki oleh orang Islam pada waktu itu kerana ianya telah menimbulkan perselisihan pendapat dari segi bacaan dan pengertiannya. Hal tersebut seterusnya telah membawa perpecahan di kalangan umat Islam. Bagi mengatasi masalah tersebut dari terus berleluasa, Saidina



‘Uthmān bin al-‘Affān r.a kemudiannya telah mengedarkan naskhah rasmi yang disalin dari mushaf di zaman Saidina Abu Bakr al-Siddīq r.a untuk menyatukan seluruh umat Islam dalam satu bacaan<sup>40</sup>.

Di zaman Saidina ‘Ali bin Abi Talīb r.a, antara masalah yang diselesaikan dengan menggunakan kaedah siasah syar‘iyyah ialah kes mengenai pembahagian harta pusaka yang melibatkan kembar siam. Kembar tersebut dikatakan mempunyai dua kepala, dada dan kemaluan. Persoalannya ialah adakah mereka dikira mendapat satu ataupun dua *mirath* (pusaka). Bagi menyelesaikan permasalahan ini, Saidina ‘Ali r.a telah mengarahkan kedua-dua bayi tadi ditidurkan dan kemudiannya dijertikan ke arah mereka sekuat-kuatnya. Jika kedua-dua bayi berkenaan sedar serentak, maka mirathnya adalah satu, tetapi jika ianya jaga secara berasingan maka mirathnya adalah dua<sup>41</sup>.

Berdasarkan kepada dalil-dalil siasah syar‘iyyah yang diterangkan di zaman Rasulullah s.a.w dan Khulafa’ al-Rasyidīn, boleh dirumuskan bahawa pihak pemerintah dibenarkan untuk menjatuhkan pelbagai bentuk hukuman dan menggunakan kaedah-kaedah yang bersesuaian bagi mendapatkan sesuatu maklumat dari pihak penjenayah. Hukuman yang dikenakan itu juga boleh sampai ke tahap bunuh sekiranya itu adalah jalan penyelesaian yang terbaik. Apa yang penting ialah, setiap hukuman yang ditetapkan tersebut mestilah bertepatan dengan kehendak syara’. Oleh itu berpandukan kepada huraian-huraian yang lepas, jelas menunjukkan

bahawa pelaksanaan siasah syar'iyah disokong oleh dalil-dalil daripada al-Qurān, al-Sunnah dan tindakan yang diambil oleh Khulafa' al-Rasyidīn.

#### **2.4 MATLAMAT SIASAH SYAR'IYYAH**

Tujuan utama pelaksanaan siasah syar'iyah adalah untuk menjamin kesejahteraan masyarakat dan melindungi mereka daripada segala bentuk gejala kerosakan. Untuk mencapai matlamat berkenaan, siasah hendaklah dilaksanakan dengan mengikut corak perundangan Islam secara sepenuhnya. Selain itu, ia juga dapat menonjolkan keadilan Islam dalam mengendalikan hal-ehwal rakyat dan urusan pentadbiran negara<sup>42</sup>. Justeru itu, dalam melaksanakan siasah syar'iyah ketua negara mestilah seorang yang beriman, bertaqwa, bersikap adil dan tidak mengutamakan kepentingan peribadi.

#### **2.5 SYARAT-SYARAT PEMAKAIAN SIASAH SYAR'IYYAH**

Para fuqahā' telah menggariskan beberapa syarat pemakaian siasah syar'iyah untuk menjamin kesempurnaan penggunaannya bagi membentuk hukuman yang adil dan sempurna, antaranya ialah<sup>43</sup>:

- i. Siasah syar'iyah hendaklah berlandaskan kepada kaedah-kaedah yang sudah ditetapkan oleh syara' seperti Qiyas, Istislah, Sad al-Dharā'i' dan sebagainya.

- ii. Siasah syar'iyah tidak boleh terikat dengan pemikiran yang bebas daripada dalil-dalil syara', mengikut hawa nafsu dan akal semata-mata demi untuk menjaga kepentingan peribadi.
- iii. Siasah syar'iyah hendaklah tidak bercanggah secara hakiki dengan nas-nas syara'.
- iv. Setiap hukuman yang diketengahkan oleh siasah syar'iyah mestilah tidak bertentangan dengan ruh dan dasar-dasar syar'iah.

Berdasarkan kepada syarat-syarat di atas, didapati pelaksanaan siasah syar'iyah mestilah mengikut satu peraturan yang sistematik untuk menjamin kestabilan negara dari aspek politik, ekonomi, sosial, pentadbiran dan sebagainya.

## 2.6 KAEDAH SIAHAH SYAR'IYYAH

Untuk melaksanakan siasah syar'iyah dalam sesebuah negara dengan adil dan sempurna, ia mestilah berpandukan kepada kaedah-kaedah yang sudah ditetapkan oleh syara', antaranya ialah;

- i. Siasah syar'iyah itu mestilah berpandukan kepada al-Qurān dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan yang asas dan tertinggi. Kaedah ini juga disebut sebagai 'asas akidah' dalam siasah syar'iyah<sup>44</sup>.

- ii. Ia hendaklah merujuk kepada kaedah-kaedah ijtihād sekiranya tidak ada nas-nas syara' yang mampu menyelesaikan permasalahan yang baru timbul<sup>45</sup>.
- iii. Ia boleh merujuk kepada Qawā'id Fiqhiyyah atas tujuan untuk menilai ketepatan hukum<sup>46</sup>.
- iv. Ia boleh juga merujuk kepada pandangan fuqahā' yang berkaitan dengan pemerintahan negara<sup>47</sup>.

Memandangkan penulisan disertasi ini lebih menyentuh kepada penilaian hukum yang melibatkan kes semasa iaitu sama ada wajar ataupun tidak hukum bunuh dijatuhkan ke atas pengedar dadah, maka penekanan akan dijuruskan kepada kaedah ijtihād. Dalam kaedah berkenaan, tumpuan akan diberikan kepada tiga kaedah sahaja iaitu Qiyas, Istislah dan Sad al-Dharā'i'. Ini kerana ketiga-tiga kaedah tersebut mempunyai hubung kait yang kuat dalam menjawab persoalan penulisan ini. Manakala kaedah-kaedah yang lain akan dijelaskan secara ringkas sahaja.

### **2.6.1 Kaedah siasah syar'iyah berpandukan kepada nas-nas syara'**

Perlaksanaan siasah syar'iyah mestilah berdasarkan kepada nas-nas syara'. Kewajipan ini boleh dilihat daripada nas-nas syara' yang telah memberi amaran keras kepada pihak pemimpin yang melanggar perintah Allāh s.w.t. FirmanNya yang berbunyi<sup>48</sup>:

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ  
 قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي  
 الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمْكِنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا  
 السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا  
 الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ  
 بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ

قُرْنًا آخَرِينَ ﴿٦﴾

Terjemahannya: *“Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain?”*

Berdasarkan kepada ayat di atas, ia menunjukkan bahawa para pemimpin yang melanggar perintah Allāh s.w.t akan dimusnahkan. Ini bermakna pihak pemerintah mestilah membentuk sistem pentadbiran yang selari dengan kehendak syara'.

Selain itu, kewajipan melaksanakan corak pemerintahan berdasarkan kehendak Islam boleh dilihat melalui penghuraian al-Qurān tentang matlamat undang-undang jenayah Islam. Kesemua matlamat tersebut adalah mendokong tujuan dilaksanakan siasah syar'iyah, iaitu menjurus ke arah pembaikan dan pencegahan kemungkaran dalam masyarakat<sup>49</sup>. Sebagai contohnya, untuk menjamin keselamatan nyawa dan anggota badan, maka Allāh s.w.t telah menetapkan hukum qisās. Ini boleh dilihat daripada firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>50</sup>:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ  
بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ  
بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ  
وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا ۚ

Terjemahannya: *“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat bahawasanya jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas dengan (seimbang)”*

Berdasarkan kepada nas di atas, ia menjelaskan bahawa Allāh s.w.t menetapkan sesuatu hukuman adalah mengikut kesesuaian sesuatu jenayah. Ini bertujuan untuk menjamin keselamatan orang ramai dan membendung segala bentuk kegiatan jenayah. Berpandukan kepada ayat berkenaan juga, secara tidak langsung ia menegaskan kepentingan siasah syar‘iyyah. Ini kerana dengan pelaksanaan siasah syar‘iyyah maka akan tercapai matlamat nas tersebut.

#### **2.6.2 Kaedah-kaedah ijtihād dan peranannya dalam siasah syar‘iyyah**

Perlaksanaan siasah syar‘iyyah sebagai metod penentuan hukum akan diterima sekiranya kaedah-kaedah ijtihād yang diketengahkan tersebut bertepatan dengan kehendak syara‘. Sekiranya siasah syar‘iyyah itu tidak berpandukan kepada mana-mana kaedah yang dibenarkan oleh syara‘, maka penggunaan hukum tersebut adalah dikira terbatal. Di sini ia menunjukkan bahawa ijtihād tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya dalam pelaksanaan siasah syar‘iyyah. Di antara kaedah-kaedah ijtihād ialah:

i. Qiyas ( قياس )

**Pengertian Qiyas**

Perkataan Qiyas banyak digunakan dalam perundangan Islam. Dari aspek pengertiannya, Qiyas bermaksud menetapkan satu hukum bagi perkara furu' (masalah baru yang tidak mempunyai hukum) mengikut hukum asal (perkara yang mempunyai hukum) kerana kedua-dua perkara tersebut mempunyai persamaan dari sudut 'illah (علة)<sup>51</sup>. Berdasarkan kepada pengertian di atas, boleh dirumuskan bahawa mana-mana permasalahan yang baru timbul dan mempunyai sebab yang sama serius dengan perkara yang sudah ditetapkan hukumnya, maka hukuman yang sama boleh dijatuhkan ke atas permasalahan berkenaan.

Untuk menyelesaikan masalah berpandukan kepada Qiyas, konsep 'illah mesti difahami oleh fuqahā dalam mensabitkan hukum ke atas masalah yang baru timbul dan ia hanya boleh dijadikan sandaran hukum setelah memenuhi rukunnya<sup>52</sup>. Contohnya tentang pengharaman arak. Firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>53</sup>:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ  
وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ



مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ

لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿٤٠﴾

Terjemahannya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah (semuanya) keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya”*

Berdasarkan kepada ayat di atas hukum meminum arak adalah haram. ‘Illah tentang pengharamannya kerana ia memabukkan. Oleh itu mana-mana perkara yang memabukkan adalah haram hukumnya kerana ia mempunyai persamaan ‘illah ke atas arak<sup>54</sup>. Jika dilihat mengenai permasalahan dadah, Mahmūd Shaltut menerangkan bahawa hukumnya adalah haram dan kebanyakan fuqahā memutuskan pengharamannya kerana ada persamaan ‘illah dengan arak<sup>55</sup>. Walau bagaimanapun sekiranya dilihat kesan dadah terhadap masyarakat, ia adalah lebih besar daripada arak. Justeru itu keseksaan yang berat mestilah dijatuhkan ke atas mereka yang menjual dan memperniagakan dadah demi menjaga kemaslahatan masyarakat<sup>56</sup>.

## Keperluan Qiyas dalam siasah syar'iyah

Memandangkan tujuan syara' adalah untuk mendatangkan kebaikan kepada masyarakat, oleh itu penggunaan Qiyas di dalam siasah syar'iyah adalah sangat diperlukan terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan yang tidak ada nas. Kebanyakan para fuqahā berpendapat, Qiyas merupakan kaedah yang penting dalam memperluaskan hukum dengan cara melihat persamaan hukum pada konsep 'illah yang terdapat di dalam nas syara' dengan masalah yang baru timbul<sup>57</sup>. Melalui kaedah ini, ia banyak membantu dalam menyelesaikan permasalahan semasa.

### ii. **Maṣāliḥ Mursalah / Istislāḥ ( مصالح مرسله / إستصلاح )**

#### **Pengertian Maṣāliḥ Mursalah / Istislāḥ**

Perkataan Istislāḥ adalah berasal daripada *Istaṣlahah* ( إستصلاح ) yang bermaksud mencari kemaslahatan dan kebaikan. Perkataan tersebut biasanya diguna pakai untuk benda dan bukan benda, seperti *Istaṣlahah badanuhu* ( إستصلاح بدنه ) bererti memperbaiki badannya ataupun *Istaṣlahah khuluquhu* ( إستصلاح خلقه ) yang bermaksud memperbaiki akhlak ataupun perangainya<sup>58</sup>. Namun begitu, ulamā' Uṣūl menggunakannya untuk menunjukkan pengertian yang khusus iaitu menentukan sesuatu hukum yang tidak ada nas dan ijma' padanya dengan berdasarkan kepada penelitian masalah<sup>59</sup>.

Menurut ‘Abdul Karīm Zaydān, masalah bermaksud mendatangkan kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkaran dan ada sesetengah pula berpendapat yang ianya bererti menolak bahaya adalah lebih baik daripada mencari kemaslahatan<sup>60</sup>. Pengertian yang diketengahkan tersebut bertepatan dengan firman Allāh yang berbunyi<sup>61</sup>:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ

وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

Terjemahannya: “Allāh s.w.t menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu beroleh kesusahan”

Menurut pandangan ‘Abdul Wahab Khallāf, apa yang dimaksudkan dengan siasah syar‘iyyah itu adalah menggunakan Maṣālih Mursalah dalam memutuskan sesuatu hukum<sup>62</sup>. Perkara ini boleh dilihat dengan lebih jelas apabila didasarkan kepada satu kaedah Fiqhīyyah yang bermaksud “*pemerintahan terhadap rakyat adalah tertakluk kepada masalah rakyat tersebut*” (تصرف الإمام منوط بالمصلحة). Berpandukan kepada kaedah ini, ia menunjukkan bahawa apa sahaja tindakan dan perlaksanaan yang dikuatkuasakan oleh pihak pemerintah mestilah memfokuskan

kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat sama ada dalam perkara keagamaan ataupun keduniaan.

### **Pembahagian Masalahah dari segi pembentukan hukum<sup>63</sup>**

Masalahah boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

#### **a. Maşālih Mu'tabarah**

Ianya merupakan perkara yang disokong oleh syara' melalui keterangan nas bagi menjaga kepentingan manusia di mana ianya berkaitan dengan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contohnya hukuman qisās dijalankan adalah untuk melindungi jiwa manusia dan hukuman potong tangan pula adalah untuk melindungi harta.

#### **b. Maşālih Mulghah**

Ia merupakan masalah yang dibatalkan oleh Islam kerana timbul pertentangan dengan kehendak dan kepentingan syara'. Contohnya, menyamakan hak penerimaan harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan. Perkara berkenaan ditolak oleh Islam kerana ianya bertentangan dengan firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>64</sup>:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ

لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ ﴿١١﴾

Terjemahannya: “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki adalah menyamai dua bahagian anak perempuan”.

### c. Masālih Mursalah

Ia merupakan kemaslahatan yang tidak ada nas syara' mengenai penerimaannya ataupun penolakannya. Menurut ulama' Uṣūl, ia disebut sebagai Masālih kerana mampu mendatangkan kebaikan dan mencegah kerosakan. Manakala Mursalah pula menunjukkan tidak ada penolakan atau penerimaan syara' mengenai perkara tersebut secara langsung. Sebagai contohnya, perbuatan mengumpul al-Qurān dan memenjarakan mana-mana individu yang tidak dipastikan kesalahannya untuk mendapat penerangan yang mendalam.

## **Pembahagian Masalah berdasarkan kepada tahap kepentingannya**

Masalah dari sudut kepentingannya pula boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu<sup>65</sup>:

### **a. Masālih Darūriyyāt**

Ia adalah masalah yang diperlukan untuk memelihara keperluan asas. Ia meliputi penjagaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pencerobohan terhadap kelima-lima perkara berkenaan sememangnya boleh menimbulkan huru-hara di dalam masyarakat. Justeru itu, Allāh s.w.t telah menyediakan keseksaan terhadap mereka yang mencabulinya.

### **b. Masālih Hajiyyāt**

Ia adalah pemeliharaan terhadap kepentingan manusia yang berbentuk keperluan mendesak dan juga merupakan perkara yang dihajati oleh manusia untuk mendapat kelonggaran dan menolak kesempitan hidup. Namun jika ianya diabaikan, kesulitan tersebut tidaklah sampai membawa bencana kepada umum. Misalnya, sembahyang jama' dan qasar bagi musafir, pengharusan berbuka puasa bagi perempuan yang hamil dan menyusukan anaknya.

### c. **Masālih Tahsīniyyāt**

Ia adalah masalah yang melibatkan keperluan yang tidak mendesak. Jika perkara tersebut dilakukan, ia dapat memperindahkan tingkah laku dan corak kehidupan, seperti bersuci ketika hendak menunaikan sembahyang dan pengharaman terhadap memakan benda-benda yang najis.

Ketiga-tiga masalah inilah nanti akan menjadi asas kepada prinsip Masālih Mursalah. Menurut al-Syātibī, walaupun tidak ada dalil daripada syara' yang mengakui dan mengabaikannya, namun ia merupakan kemaslahatan yang melibatkan urusan dan maksud syara'. Ini kerana hukum yang lahir daripada prinsip berkenaan mampu untuk mendatangkan kebaikan dan menolak perkara-perkara kemungkaran terhadap manusia<sup>66</sup>. Justeru itu penggunaan Masālih Mursalah adalah dibenarkan oleh Islam.

### **Keperluan Istiṣlāh / Masālih Mursalah dalam siasah syar'iyah**

Al-Istiṣlāh ataupun Masālih Mursalah merupakan salah satu daripada kaedah yang dipraktikkan oleh fuqahā dalam *mengistinbatkan* (mengeluarkan) hukum yang tidak terdapat nas-nas syara' mengenainya. Ia dibina atas dasar untuk menjaga kebaikan dan menolak sebarang bentuk kerosakan dalam masyarakat. Kaedah ini sememangnya amat popular dan banyak dipraktikkan oleh para sahabat Rasūlullāh

s.a.w selepas daripada kewafatan Baginda s.a.w, terutamanya dalam menyelesaikan kes-kes yang baru timbul. Sebagai contohnya, khalifah Abu Bakr al-Ṣiddīq r.a telah mengarahkan pengumpulan al-Qurān setelah menerima cadangan Saidina ‘Umār r.a dan Zaid bin Thābit atas alasan untuk menjaga ayat al-Qurān daripada hilang dan dilupai oleh umat Islam. Ini kerana ramai daripada mereka yang hafiz telah gugur syahid di dalam peperangan<sup>67</sup>.

Selain itu, di zaman pemerintahan Saidina ‘Umār bin al-Khattāb r.a berbagai bentuk sistem telah ditubuhkan oleh beliau demi menjaga masalah umat Islam pada zaman tersebut, seperti menubuhkan jabatan untuk menguruskan pentadbiran ketenteraan, pembahagian wilayah, penubuhan sistem Baitumāl dan sebagainya. Pada zaman sekarang, kerajaan misalnya dalam menetapkan undang-undang jalan raya berhak melakukan sebarang bentuk perubahan demi menjaga masalah masyarakat. Perubahan ini dibenarkan memandangkan sistem jalan raya sering berubah-ubah dari semasa ke semasa dan pembaharuan ini amat penting demi mengelakkan sebarang bentuk kemalangan dan kesesakan lalu lintas. Walau bagaimanapun, kerajaan juga harus berhati-hati ketika melaksanakan pembaharuan agar apa yang dilakukan tidak sampai membebankan rakyat.

Menurut Muhammad al-Zarqā’, pembentukan sesuatu sistem dalam mentadbirkan sesebuah negara adalah dibenarkan oleh syara’ dengan syarat ianya



mampu memberi kebaikan kepada masyarakat. Di antara contoh-contoh yang diutarakan oleh beliau antaranya ialah;

- a. Menubuhkan mahkamah khusus untuk pemimpin dan golongan atasan yang melakukan jenayah ataupun kezaliman terhadap golongan yang lain.
- b. Menyimpan dan mengemaskinikan dokumen mahkamah supaya tidak berlaku sebarang bentuk penyelewengan dan penipuan.

Hasil daripada perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa penggunaan kaedah Masālih Mursalah ataupun Istislāh adalah penting dalam pelaksanaan siasah syari'yyah, terutamanya ketika menangani isu-isu semasa yang tidak mempunyai nas-nas syara'.

### iii. Sad al-Dharā'i' ( سد الذرائع )

#### Pengertian Sad al-Dharā'i'

Sad al-Dharā'i' merupakan wasilah ataupun jalan yang menutup segala pintu kerosakan ataupun jalan untuk sampai kepada sesuatu perkara. Ia diperluaskan pemakaiannya kepada membuka jalan-jalan yang membawa kebaikan ataupun sesuatu yang bermanfaat<sup>68</sup>. Secara keseluruhan Sad al-Dharā'i' merupakan kaedah yang membincangkan penyekatan terhadap perkara-perkara yang boleh membawa kepada kemungkaran.

Menurut pandangan ‘Abdul Karīm Zaydān, Sad al-Dharā’i’ adalah merupakan kaedah ijtihād yang dibenarkan oleh syara’ kerana ia bersandarkan kepada al-Qurān dan al-Sunnah<sup>69</sup>. Sebagaimana firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>70</sup>:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا

رَاعِنَا وَقُولُوا أَنْظِرْنَا وَأَسْمَعُوا

Terjemahannya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan “*rā’ina*”, (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad s.a.w dan sebaliknya katakanlah “*unzurna*”, dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya)”

Di dalam ayat berkenaan Allāh s.w.t menegah mana-mana orang mukmin daripada menggunakan perkataan *rā’ina* ketika berkata-kata dengan Rasūlullāh s.a.w dengan tujuan supaya Baginda s.a.w memberi perhatian dengan apa yang hendak diperkatakan. Ini kerana orang-orang Yahudi telah menggunakannya untuk menghina Baginda s.a.w.

## Keperluan Sad al-Dharā'i' dalam siasah syar'iyah

Dalam siasah syar'iyah, Sad al-Dharā'i' merupakan salah satu kaedah yang paling banyak digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dengan tujuan untuk menjaga kepentingan masyarakat. Ia bukan sahaja dipraktikkan dalam aspek politik tetapi juga dilaksanakan dalam bidang perundangan, ekonomi dan sosial.

Selain itu, kaedah Sad al-Dharā'i' juga dapat membantu pihak pemerintah untuk memantapkan pentadbiran dan pengurusan negara. Melalui kaedah ini, kerajaan boleh menyekat perkara yang menjadi punca kerosakan, jenayah, keruntuhan moral di kalangan remaja dan sebagainya. Walaupun tidak ada nas al-Qurān dan al-Sunnah yang melarang tindakan berkenaan, namun melalui kaedah Sad al-Dharā'i' kerajaan berhak melaksanakannya atas tujuan untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan negara. Penggunaan kaedah ini banyak terdapat di dalam al-Qurān, al-Sunnah dan tindakan yang diambil oleh para sahabat r.a. Contohnya, hukuman bagi kesalahan qisās adalah satu nyawa dengan satu nyawa dan ini bertepatan dengan firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>71</sup>:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ

بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ

بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنِ بِالْأُذُنِ وَالسِّنِّ بِالسِّنِّ

وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا

Terjemahannya: *“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat itu, jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas dengan (seimbang)”*

Walau bagaimanapun, di zaman saidina ‘Umār al-Khattāb r.a beliau telah menjatuhkan hukum bunuh ke atas empat orang yang berkongsi melakukan pembunuhan terhadap seorang budak di Yaman. Begitu juga dengan tindakan saidina ‘Ali r.a yang menjatuhkan hukuman mati ke atas tiga orang individu kerana telah berkomplot membunuh seorang lelaki<sup>72</sup>.

Walaupun tindakan kedua-dua orang sahabat Rasūlullāh s.a.w ini seolah-olah bertentangan dengan kaedah yang asal, namun dalam konteks untuk menutup ruang-ruang jenayah, perlaksanaan hukuman terbabit adalah tepat atas alasan bagi mengelakkan timbulnya komplot kerjasama yang sedemikian di masa akan datang. Berasaskan kepada matlamat di atas, maka kaedah Sad al-Dharā’i‘ telah

dilaksanakan oleh para sahabat, iaitu dengan cara menjatuhkan hukuman qisās terhadap kesemua penjenayah yang terlibat.

iv. **Istihsān ( إستهسان )**

**Pengertian Istihsān**

Istihsān berasal daripada perkataan Istahsana ( إستهسن ) dan ia mempunyai dua pengertian; pertama, mentarjihkan Qiyas Khāfi ( قياس خفي ) ke atas Qiyas Jali ( قياس جلي ) dengan bersandarkan kepada dalil yang kuat. Kedua, pengecualian masalah juz'iyah daripada kaedah yang am disebabkan adanya dalil khas yang lebih bertepatan dengannya<sup>73</sup>.

**Keperluan Istihsān dalam siasah syar'iyah**

Kepentingan Istihsān dalam siasah syari'yyah ialah ia mampu menyediakan ruang yang luas kepada pihak pemerintah ketika menyelesaikan permasalahan yang baru timbul seperti gejala dadah dan pengedarannya. Apa yang penting ialah ketika mempraktikkan Istihsān, pihak pemimpin Islam mestilah memastikan yang ianya tidak tergelincir dari landasan syara' dan dapat menjaga kemaslahatan serta keperluan masyarakat sejagat.

## v. 'Urf ( عرف )

### **Pengertian 'Urf**

'Urf ialah apa sahaja yang dibiasakan oleh orang ramai dan diikuti oleh kebanyakan mereka sama ada dalam bentuk percakapan ataupun perbuatan. Dalam bahasa 'Arab, perkataan 'Urf dan 'Adat membawa maksud yang sama sebagaimana yang disebutkan di atas<sup>74</sup>. Dari segi istilah, 'Urf juga bermaksud cara ataupun kaedah untuk mengeluarkan sesuatu hukum bagi perkara-perkara yang tidak disebut oleh nas, dengan merujuk kepada Adat. Di sini 'Urf dan 'Adat dijadikan asas untuk menentukan hukum. Oleh itu hukum boleh berubah mengikut perubahan keduanya<sup>75</sup>. Selain itu, 'Urf juga berperanan dalam menafsirkan nas-nas syara'.

### **Keperluan 'Urf dalam siasah syar'iiyyah**

Keperluan 'Urf di dalam hukum syara' adalah bertujuan untuk menjamin kesejahteraan masyarakat sejagat. Dalam siasah syari'yyah, penggunaan 'Urf mestilah diambil kira. Ini kerana 'Urf merupakan keperluan sesebuah masyarakat dan mereka tidak akan mengikut sesuatu amalan kecuali ianya boleh mendatangkan masalah dan keadilan kepada mereka<sup>76</sup>. Selain itu, 'Urf juga merupakan asas yang kuat dalam Sunnah Rasūlullāh s.a.w yang dikenali sebagai Sunnah taqrīriyyah. Dalam Sunnah berkenaan, Nabi s.a.w telah memperakui sebahagian amalan masyarakat Jahiliyyah yang dikira penting dalam kehidupan seharian dengan

melakukan beberapa pengubahsuaian bagi memastikan yang ianya menepati kehendak syara'.

#### vi. **Istishāb (إستصحاب )**

##### **Pengertian Istishāb**

Istishāb bermaksud jalan yang dibenarkan oleh syara' untuk mengeluarkan sesuatu hukum dengan cara mengekalkan hukum yang disabitkan dengan dalil pada masa lalu, berterusan sehingga masa kini sehinggalah ada dalil lain yang mengubahnya<sup>77</sup>. Contohnya, jika seorang lelaki berkahwin dengan seorang wanita dan mensetubuhinya, kemudian timbul berita yang mengatakan bahawa perempuan itu adalah janda. Penerimaan terhadap berita berkenaan mestilah didasarkan kepada bukti dan sekiranya tiada bukti perempuan berkenaan dianggap bukan janda kerana ia disandarkan kepada hukum asal iaitu semasa dikahwinkan wanita berkenaan adalah seorang gadis<sup>78</sup>.

##### **Keperluan Istishāb dalam siasah syar'iyah**

Kaedah Istishāb adalah penting kerana ia dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat terutamanya melibatkan perkara yang tidak mempunyai nas-nas syara' yang jelas. Selain itu, setiap permasalahan yang agak kabur dan tidak jelas akan dirujuk kepada keadaannya yang asal, sebagaimana

contoh yang dikemukakan di atas tadi. Setiap permasalahan yang diketengahkan tersebut juga diselesaikan dengan berpandukan kaedah syara' tanpa mengandungi unsur-unsur kepentingan peribadi. Bersandarkan kepada tujuan berkenaan, maka penggunaan Istishāb di dalam siasah syari'yyah amatlah diperlukan terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan semasa kerana melaluinya kepentingan masyarakat akan lebih terjamin.

### 2.6.3 Kaedah siasah syar'iyah berasaskan Qawā'id Fiqhiyyah

Di dalam pentadbiran negara, setiap keputusan dan tindakan pihak pemerintah perlu berpandukan kepada kaedah-kaedah Fiqhiyyah seperti: *Tindakan pemerintah mestilah didasarkan kepada masalah rakyat* ( *تصرف الإمام منوط بالمصلحة* ). Ia merupakan satu garis panduan yang penting kepada pemerintah ketika menjalankan pentadbiran negara agar setiap urusan yang dilaksanakan mampu mendatangkan kebaikan terhadap rakyat dan membasmiikan segala bentuk kezaliman<sup>79</sup>.

Kaedah ini juga adalah merupakan prinsip utama di dalam siasah syar'iyah. Walau bagaimanapun jika tindakan pihak pemerintah yang berasaskan kepada masalah orang ramai itu bertentangan dengan nas-nas syara' secara qat'i, maka ianya tidak boleh dilaksanakan. Ini adalah pandangan Imām Abu Yūsuf dalam kitab al-Kharaj<sup>80</sup>.



Di antara dalil-dalil yang dipegang oleh para ulamā' yang menunjukkan kewajiban pihak pemerintah untuk berpegang dengan kaedah di atas adalah seperti berikut<sup>81</sup>;

a) Berdasarkan kepada firman Allāh s.w.t yang berbunyi<sup>82</sup>:

وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ وَمَنْ

كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ﴿٦﴾

Terjemahannya: “Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah dia menahan diri (dari memakannya) dan sesiapa yang miskin maka bolehlah dia memakannya dengan cara yang sepatutnya”

Nas di atas menerangkan bahawa pihak pemerintah telah diberi amanah oleh Allāh s.w.t untuk melaksanakan sistem pentadbiran dan menguruskan hal-hal kewangan dengan adil. Ia juga mengarahkan setiap individu untuk menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atasnya<sup>83</sup>.

Berdasarkan penafsiran ayat tersebut, ia menunjukkan bahawa tanggungjawab untuk menunaikan amanah menjadi kewajipan setiap individu. Dalam melaksanakannya, perkara yang mesti dipandang serius adalah keadilan kerana ia merupakan “teras” untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan orang ramai.

b) Para fuqahā<sup>7</sup> memperkukuhkan pendapat tersebut dengan mengenengahkan beberapa contoh. Antaranya ialah<sup>84</sup>:

- i) Seorang hakim tidak boleh melucutkan jawatan seorang tentera dari jabatannya melainkan beliau mempunyai alasan yang munasabah.
- ii) Seorang pemerintah yang fasik adalah makruh untuk menjadi Imam kepada makmum ketika bersembahyang. Ini kerana tugas seorang pemerintah adalah berkewajipan untuk menjaga kemaslahatan rakyat dan bukan membawa mereka ke jalan yang makruh.

Apa yang penting dalam kaedah ini ialah pihak pemimpin mesti memastikan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh mereka mampu mendatangkan kebaikan kepada masyarakat dan mencegah kemungkaran. Selain itu, segala bentuk langkah-langkah yang diambil hendaklah selari dengan kehendak syara<sup>6</sup>. Melalui cara ini, maka setiap pembangunan dan penghukuman yang dilaksanakan akan dapat menjamin keadilan.

Berpandukan kepada penerangan siasah syar'iyah yang diketengahkan, maka diharapkan agar ianya boleh dijadikan sebagai "satu landasan teori" untuk menganalisa ketepatan hukum bunuh ke atas pengedar dadah berdasarkan siasah syar'iyah.

## NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Ibn Manzūr, (1990), *Lisān al-'Arab*, Jilid 6, Bayrūt: Dar al-Fikr, hlm. 108.
- <sup>2</sup> Sheikh Othman bin Sheikh Salim, (1989), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 119.
- <sup>3</sup> Shukeri Mohamad, *Siasah Syar'iyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum*, (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 17-18 Jun 1997), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 5.
- <sup>4</sup> al-Bukhārī, (1986), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, bersama Fath al-Bārī oleh Ibn Hazm, bersama Fath al-Bārī oleh Ibn Hazm, disusun oleh Mahb al-Dīn al-Khatīb, (Cetakan Pertama), Jilid 6, Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, hlm. 571.
- <sup>5</sup> Menurut Sa'īd Ramadhān al-Būtī (Dr.), konsep asal siasah syar'iyah adalah melibatkan golongan pemerintah. Namun beliau telah meluaskan penggunaannya kepada sesiapa sahaja yang terlibat dengan pengurusan pentadbiran ataupun organisasi gerakan. Idea ini dikemukakan ketika beliau mengulas tindakan dan strategi Nabi s.a.w semasa memimpin gerakan dakwah di Mekah, di mana sebahagian daripada tindakan tersebut dikategorikan oleh beliau sebagai siasah syar'iyah. Contohnya ialah mempelbagaikan metod dakwah kepada metod sulit dan terang-terangan. (Mohammad Sa'īd Ramadhān al-Būtī (Dr.), (1991), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyah ma'ā Mujaz li Tārīkh al-Khilāfah al-Rāsyidah*, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, hlm. 68).
- <sup>6</sup> al-Fayyumi, (t.t), *al-Misbāh al-Munir*, Bayrūt: Dār al-Fikr, hlm. 118.
- <sup>7</sup> Surah al-Jāthiyah: 18.
- <sup>8</sup> Shukeri Mohamad, *Op.Cit.*
- <sup>9</sup> Ibn Nujaim, (t.t), *al-Bahr al-Rā'iq Syarḥ Kanz al-Daqā'iq*, (Cetakan ke 2), Jilid 5, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Islāmī, hlm. 11. *Dalīl-dalīl juz'ī* adalah dalīl khusus yang menyentuh tentang hukum-hukum tertentu, contohnya firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisā': 103 "فَقِيمُوا الصَّلَاةَ" yang bermaksud 'maka dirikanlah sembahyang'. Nas berkenaan merupakan dalīl juz'ī iaitu dalīl khusus yang menunjukkan kepada hukum wajib menunaikan sembahyang.
- <sup>10</sup> Ibn Qayyim al-Jauziyyah, (t.t), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyah*, Qāhirah: Dār al-Fikr, hlm. 13.
- <sup>11</sup> Ibn 'Ābidīn, (1960), *Hāsyiah Rad al-Muhtār 'alā al-Dur al-Mukhtār*, (Cetakan ke 2), Jilid 4, Qāhirah: al-Babi, hlm. 16.
- <sup>12</sup> *Ibid.*
- <sup>13</sup> 'Abdul Wahab Khallāf, (1987), *al-Siasah al-Syar'iyah aw Nizām al-Daulah al-Islāmiyyah fi al-Syu'ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*, (Cetakan ke 3), Bayrūt: Muassasah al-Risālah hlm. 14.
- <sup>14</sup> Shukeri Muhammad, *al-Siasah al-Syar'iyah wa Qawā'iduha fi al-'Iqāb al-Ta'zīri*, hlm. 13.
- <sup>15</sup> Fathi al-Duraini (Dr.), (1987), *Khaṣā'is al-Tasyri' fi al-Siasah wa al-Hukm*, Bayrūt: Dār al-Fikr, hlm. 189.
- <sup>16</sup> Ibn 'Ābidīn, *Op.Cit.*, Jilid 4, hlm. 15.
- <sup>17</sup> Ibn Fūdī, (1988), *Diya' al-Siasat wa Fatāwa al-Nawāzil*, diolahkan oleh Ahmad Muhammad Kāni, Qāhirah: al-Zahra' li 'Ilām al-'Arabiy, hlm. 75.
- <sup>18</sup> 'Abdul Fatah 'Amru, (1998), *Tatbiqāt al-Siasah al-Syar'iyah fi al-Ahwāl al-Syakhshiyyah*, Jordan: Dār al-Nafāis, hlm. 24; Shukeri Mohamad, *Siasah Syar'iyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum*, (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 17-18 Jun 1997), *Op.Cit.*, hlm. 5.
- <sup>19</sup> Shukeri Mohamad, *Ibid.*
- <sup>20</sup> Subhi al-Saleh (Dr.), (t.t), *Politik dan Pentadbiran di dalam Islam*, Osman Haji Khalid (Prof. Madya) (terj.) Kuala Lumpur: PKPIM, hlm. 6.
- <sup>21</sup> Surah al-Mā'idah : 38.
- <sup>22</sup> Ibn Furuḥūn, *Tabstrat al-Hukkām fi Uṣūl al-Aqdā'iyyah wa Manāhij al-Ahkām*, Jilid 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 105.
- <sup>23</sup> Surah al-Anbiyā': 73.

- <sup>24</sup> Ibn Khaldun, (t.t), *al-Muqaddimah*, Bayrūt: Dār al-Fikr, hlm. 190.
- <sup>25</sup> Surah al-Baqarah: 246.
- <sup>26</sup> Shukeri Muhamad, *al-Siasah al-Syar'iyah wa Qawā'iduha fi al-'Iqāb al- Ta'zīr i*, hlm. 21.
- <sup>27</sup> Surah al-Māidah: 44.
- <sup>28</sup> Surah al-Māidah: 42.
- <sup>29</sup> Surah al-Baqarah: 213.
- <sup>30</sup> Surah al-An'am: 6.
- <sup>31</sup> Ibn Fuhūn, *Op.Cit*, hlm. 105.
- <sup>32</sup> Surah al-Māidah: 45.
- <sup>33</sup> Muhammad Muslehuddin, 1992, *Jenayah dan Doktrin Islam dalam Tindakan Pencegahan*, Asiah Idris (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.40-44.
- <sup>34</sup> *Ibid.*
- <sup>35</sup> Muslim, *Ṣaḥih Muslim*, bersama dengan Syarh al-Nawāwi, (Cetakan Pertama), Jilid 12, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 242.
- <sup>36</sup> al- Bukhāri, *Op.Cit*, hlm. 571.
- <sup>37</sup> Ibn Fuhūn, *Op.Cit*, hlm. 106.
- <sup>38</sup> *Ibid.*
- <sup>39</sup> Abdul Fatah 'Amru, *Op.Cit*, hlm. 38.
- <sup>40</sup> Ibn Fuhūn, *Op.Cit*, hlm. 108.
- <sup>41</sup> *Ibid.*
- <sup>42</sup> Abdul Wahab Khallāf, *Op.Cit*, hlm. 7.
- <sup>43</sup> Ghalib 'Abdul Kāfi, (1983), *Awḥaliyyāt al-Farūq al-Siasiyah*, Riyādh: Maktabah al-Haramain, hlm. 57; Shukeri Mohamad, *Siasah Syar'iyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum*, (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 17-18 Jun 1997), hlm. 5.
- <sup>44</sup> Shukeri Mohamad, *Ibid.*
- <sup>45</sup> 'Abdul Fatah 'Amru, *Op.Cit*, hlm. 25.
- <sup>46</sup> Shukeri Mohamad, *al-Siasah al-Syar'iyah wa Qawā'iduha fi al-'Iqāb al- Ta'zīr i*,
- <sup>47</sup> *Ibid.*
- <sup>48</sup> Surah al-An'am: 6.
- <sup>49</sup> Penghuraian yang mendalam boleh dilihat dalam penulisan Ibn Fuhūn. (Ibn Fuhūn, *Op.Cit*, hlm. 105).
- <sup>50</sup> Surah al-Māidah: 45.
- <sup>51</sup> Lihat penerangan lanjut di dalam kitab, karangan Wahbah al-Zuhaili (Dr.), (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, Jilid 1, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, hlm.603.
- <sup>52</sup> *Ibid.*
- <sup>53</sup> Surah al-Māidah: 90.
- <sup>54</sup> 'Abdul Karīm Zaydān, (1974), *al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*, Baghdād: Matba'ah Salmān al-A'zami, hlm. 217.
- <sup>55</sup> Mahmud Shaltut, 1959, *al-Fatāwa: Dirāsāt al-Musykilāt al-Muslim fi Hayātihī al-Yaumiyyah wa al-'Ammah*, Mesir: Matbu'ah al-Idārah al-'Ammah li al-Thaqāfah al-Islamiyyah, hlm. 340-346.
- <sup>56</sup> Mahmūd Shaltut, *Ibid.*
- <sup>57</sup> Mustafa Ahmad al-Zarqā', *al-Istīṣlāh wa al-Masāliḥ al-Mursalāh fi al-Syar'ah al-Islamiyyah*, (Cetakan ke 2), Damsyiq: Dār al-Qalam, hlm. 50.
- <sup>58</sup> *Ibid*, hlm. 89.
- <sup>59</sup> *Ibid.*
- <sup>60</sup> 'Abdul Karīm Zaydān, *Op.Cit*, hlm. 236.
- <sup>61</sup> Surah al-Baqarah: 185.
- <sup>62</sup> 'Abdul Wahab Khallāf, *Uṣūl al-Fiqh*, hlm. 60.
- <sup>63</sup> Muhammad Faruq al-Nubhān, (1988), *Nizām al-Hukm fi al-Islām*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, hlm. 254; 'Abdul Karīm Zaydān, *Op. Cit*, 236-237; Wahbah al-Zuhaili, (1986), *Uṣūl al-Fiqh*, Jilid 2, Damsyiq: Dār al-Fikr, hlm. 752-753.
- <sup>64</sup> Surah al-Nisā':11.

- <sup>65</sup> al-Syātibi, (1969), *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Syarā'ih*, Jilid 1, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah hlm. 39.
- <sup>66</sup> *Ibid.*
- <sup>67</sup> Muhammad Hussein Haikāl, (1964), *al-Siddiq, Abu Bakr*, Mesir: Maktabah al-Nahdah, hlm. 304-305.
- <sup>68</sup> Untuk melihat takrif Sad al-Dharā'i' dari sudut makna yang umum dan khusus boleh di rujuk kepada buku-buku berikut, antaranya ialah al-Syātibi, *Op. Cit.*, hlm. 198; Muhammad Hisyam al-Burhāni (Dr.), (1985), *Sad al-Dharā'i' fi al-Syarā'ih al-Islāmiyyah*, Bayrūt: Dār al-Fikr, hlm. 52-56; Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *I'lām al-Muawāqqi'in*, Qāhira: Dār al-Fikr, hlm. 147.
- <sup>69</sup> 'Abdul Karīm Zaydān, *Op. Cit.*, hlm. 248.
- <sup>70</sup> Surah al-Baqarah: 104.
- <sup>71</sup> Surah al-Māidah: 45.
- <sup>72</sup> Ibn Qudāmah, (t.t), *al-Mughni*, (Cetakan Pertama), Jilid 8, Bayrūt: Dār al-Fikr, hlm. 290.
- <sup>73</sup> Perbincangan mengenai takrif Istihsān boleh dirujuk kepada kitab-kitab tersebut, antaranya ialah 'Ala al-Dīn 'Abdul 'Azīz bin Ahmad al-Badhdawi, (1974), *Kasyf al-Asrār 'an Uṣūl Fakh al-Islām al-Badhdawi*, Jilid 3, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arbā'ie, hlm. 311; Wahbah al-Zuhaili, *Op. Cit.*, hlm. 736-739; 'Abdul Karīm Zaydān, *Op. Cit.*, hlm. 230.
- <sup>74</sup> 'Abdul Wahab Khallāf, *Uṣūl al-Fiqh*, hlm. 89.
- <sup>75</sup> Ibn Nujaim, (t.t), *al-Asybah wa al-Nazāir 'alā madhhab Abu Hanīfah al-Nu'mān*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 54.
- <sup>76</sup> Muhammad Salim al-Awa, (1973), *The Place of Custom ('Urf) in Islamic Legal Theory*, Bil. 17, Kuala Lumpur: Islamic Quaterly, hlm. 178.
- <sup>77</sup> 'Abdul Wahab Khallāf, *Uṣūl al-Fiqh*, hlm. 91.
- <sup>78</sup> *Ibid.*
- <sup>79</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', (t.t), *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Damsyiq: Dār al-Qalam, hlm. 309; al-Nadawi, (t.t), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Damsyiq: Dār al-Qalam, hlm. 280.
- <sup>80</sup> Ibn Nujaim, *Op. Cit.*, hlm. 138.
- <sup>81</sup> al-Nadawi, *Op. Cit.*,
- <sup>82</sup> Surah al-Nisā': 6.
- <sup>83</sup> al-Qurṭubi, (t.t), *al-Jamī' li Ahkām al-Qurān*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Arabiy, Juzuk 5, hlm. 255.
- <sup>84</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Op. Cit.*, hlm. 309.